



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SOALAN LAZIM
PENSTRUKTURAN SEMULA SUBSIDI TELUR AYAM
BAGI MEMPERKASA KESEJAHTERAAN RAKYAT

1. Apakah hala tuju subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Selaras dengan pendekatan penyasaran semula subsidi secara berfasa di bawah Kerajaan MADANI, Kerajaan telah bersetuju mengambil langkah penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuatkuasa 1 Ogos 2025 beserta pengapungan harga telur ayam. Bagaimanapun, kawalan harga telur ayam boleh dikenakan pada musim-musim tertentu seperti musim perayaan.

2. Apakah tujuan penstrukturan semula subsidi telur ayam bermula 1 Ogos 2025 ini?

Penstrukturan semula subsidi telur ini akan mengukuhkan kedudukan kewangan dan fiskal negara yang mana perkara ini akan membolehkan pihak Kerajaan menggunakan peruntukan tersebut untuk keperluan rakyat yang lebih mendesak demi kesejahteraan rakyat selaras dengan nilai-nilai MADANI.

3. Mengapakah pihak Kerajaan melakukan penstrukturan semula subsidi telur ayam?

Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira komitmen pihak industri dalam memastikan pengeluaran telur ayam yang stabil, cukup dan terjamin untuk rakyat.

Kerajaan juga telah membelanjakan hampir RM2.5 bilion bagi menampung subsidi telur ayam yang selama tiga tahun bermula 2022 sehingga 2024. Kini,

memandangkan keadaan pasaran yang lebih stabil, Kerajaan dapat menyalurkan kewangan tersebut kepada projek-projek rakyat yang lebih diperlukan.

4. Bagaimanakah proses penstrukturan semula subsidi dan kawalan harga telur ayam?

Proses ini telah dilaksanakan secara berperingkat (*soft-landing*) bagi meringankan impak kepada rakyat iaitu:

- (i) kawalan harga telur ayam dihentikan dan kadar subsidi telur ayam dikurangkan dari RM0.10 kepada RM0.05 sebiji mulai 1 Mei 2025; dan
- (ii) penstrukturan semula subsidi telur ayam sepenuhnya mulai 1 Ogos 2025 di mana pemain industri akan meneruskan operasinya tanpa mendapat lagi subsidi dari pihak Kerajaan.

5. Berapa banyakkah subsidi Kerajaan telah diberikan untuk mengawal harga telur setakat Disember 2024?

Sejak Februari 2022 hingga Disember 2024, Kerajaan telah membelanjakan hampir RM2.5 bilion untuk pembayaran subsidi telur ayam kepada pihak industri bagi menampung peningkatan kos pengeluaran berikutan pandemik COVID-19 serta kesan peperangan antara Ukraine dan Russia ke atas harga import soya dan jagung bijian.

6. Berapakah perbezaan antara harga telur Malaysia berbanding negara-negara ASEAN?

Purata perbandingan harga bagi April tahun 2025 bagi telur Gred B sebiji, adalah:

- Malaysia : RM0.40/ sebiji
- Thailand : RM0.53/ sebiji
- Myanmar : RM0.78/ sebiji
- Filipina : RM0.72/ sebiji
- Kemboja : RM0.81/ sebiji
- Vietnam : RM0.78/ sebiji

7. Sejauh manakah penstrukturan semula subsidi telur ayam ini dapat memperkukuhkan kecekapan dan daya saing pengeluaran telur ayam?

Penstrukturan semula subsidi telur ayam ini akan memberi kesan positif kepada pemulihan daya saing pasaran telur ayam tempatan menerusi galakan persaingan dan kecekapan di kalangan pengeluar telur ayam tempatan. Kawalan harga yang berpanjangan tidak efektif dan boleh menyebabkan herotan dalam pasaran di mana harga tidak mencerminkan kos pengeluaran.

Dari perspektif ekonomi pula, dasar pasaran terbuka merupakan instrumen terbaik untuk mengurangkan kebergantungan pihak industri kepada bayaran subsidi dan seterusnya merangsang para pemain industri tempatan untuk meningkatkan kecekapan, inovasi dan produktiviti.

Paling utama, tindakan ini dapat mengelakkan ketirisan subsidi telur ayam yang sebelumnya turut dinikmati warga asing.

8. Bagaimanakah penstrukturan semula subsidi dapat membantu pengukuhan kewangan Kerajaan?

Penstrukturan semula subsidi ini dapat membantu mengukuhkan kewangan Kerajaan melalui penjimatan RM100 juta sebulan yang mana hasil penjimatan daripada peruntukan tersebut boleh digunakan untuk pembiayaan projek-projek kritikal dan keperluan pembangunan sosio-ekonomi negara yang lain.

9. Apakah mekanisme Kerajaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah benar-benar dilindungi daripada impak penstrukturan semula subsidi dan penamatan kawalan harga telur ayam?

Bagi meringankan impak susulan penstrukturan semula subsidi telur ayam serta meminimumkan peningkatan kos sara hidup, antara langkah-langkah segera dan khusus kepada golongan berpendapatan rendah adalah:

- (i) pihak industri telah bersetuju untuk memperkenalkan **telur gred khas** pada harga yang munasabah; dan

- (ii) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) komited untuk terus melaksanakan inisiatif **Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah di seluruh negara** termasuk di semua *outlet* Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi memastikan rakyat mempunyai pilihan serta jaminan bekalan pada harga yang berpatutan.
- (iii) KPDN juga akan terus **memperkukuh penguatkuasaan** melalui pemantauan rapi di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) bagi membanteras sebarang bentuk pencatutan atau manipulasi harga oleh pihak tidak bertanggungjawab. Langkah ini penting bagi memastikan harga yang dikenakan kepada pengguna kekal berpatutan dan adil.

Rakyat juga pada bila-bila masa boleh menyalurkan sebarang maklumat atau aduan berhubung isu bekalan telur melalui e-mel rasmi KPKM di alamat emel pro@kpk.gov.my.

10. Adakah warganegara asing boleh membeli telur gred khas ini?

Boleh kerana ia tidak melibatkan subsidi Kerajaan.

11. Adakah penstrukturan semula subsidi telur ayam berkuatkuasa 1 Ogos 2025 ini hanya akan menguntungkan pihak industri?

Tidak. Manfaat utama pastinya akan memberi penjimatan kepada perbelanjaan Kerajaan dan sudah tentunya akan dikembalikan semula kepada rakyat dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dasar, program atau projek Kerajaan lain yang selari dengan nilai MADANI. Ini tentunya akan menguntungkan rakyat dan bukannya pihak industri.

12. Apakah Sabah dan Sarawak akan turut terlibat dalam penstrukturan semula subsidi telur ayam?

Ya. Dasar ini turut melibatkan Sabah dan Sarawak.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

